



**JADI PENGGUNA
YANG BIJAK**

**KETAHUI AKIBAT
MEMPERCAYAI
BERITA PALSU**

 *MediaLiteracyCouncilSG*
www.betterinternet.sg

**CARA LUNGSURI TALIAN
YANG BETUL**

- MENKAJI**
lelaman web
- MENGESAHKAN**
maklumat
- MENYEMAK**
dengan pakar

 **CHECK
Please!**
Be Safe. Be Smart. Be Kind.



Sebelum kita mempercayai dan berkongsi sesuatu,

SEMAK DAHULU!

Fahami betapa bahayanya mempercayai berita palsu dan jadilah pengguna Internet yang sentiasa bijak.

01 MENIMBULKAN RASA TAKUT

Berita palsu tentang bahaya (contohnya, sesuatu jenama mengeluarkan makanan beracun) boleh menakutkan orang ramai. Mereka mungkin akan menyebarkan berita ini kepada rakan-rakan dan keluarga mereka, dan menyebabkan rasa panik yang tidak berasas.

02 MEMBAZIRKAN SUMBER

Berita palsu tentang kecemasan atau jenayah akan membazirkan masa dan tenaga kerja pihak berkuasa (contohnya polis, bomba dan perkhidmatan perubatan kecemasan) yang datang membantu.

03 MEROSAKKAN REPUTASI

Jika berita palsu tentang seseorang merebak luas, reputasi mereka mungkin akan terjejas, dan ini boleh membawa kepada lebih banyak kesan negatif dalam hidup mereka.

04 MENYEBABKAN KEHILANGAN WANG

Maklumat palsu dan penipuan boleh menyebabkan orang yang tertipu kerugian wang yang selalunya tidak akan dapat diperolehi kembali.

05 MENGANCAM KEHARMONIAN SOSIAL

Maklumat palsu boleh menimbulkan ketegangan perihal bangsa, agama, kewarganegaraan, atau apa-apa perbezaan lain yang boleh mempengaruhi cara orang ramai berinteraksi sesama sendiri, dan mengancam keharmonian sosial negara.



Fake Eggs Found in XYZ Supermarket!

Singapore | Today 11:05am